

09 JUL 1999

MIC-Persidangan

SAMY VELLU AKAN RASMI PERSIDANGAN PEMUDA DAN WANITA MIC

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu akan merasmikan serentak persidangan perwakilan pemuda dan wanita parti itu di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Ahad ini.

Seramai 1,000 perwakilan daripada kedua-dua pergerakan dijangka menghadiri persidangan sehari yang akan memberi tumpuan kepada isu-isu berkaitan masyarakat India dan persediaan menghadapi pilihan raya akan datang.

Pertandingan bagi kedua-dua pergerakan parti itu hanya dijadualkan tahun depan.

Salah satu resolusi yang akan diterima pakai secara berasingan oleh pergerakan itu adalah bagi menyatakan sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus memimpin negara ke alaf akan datang.

Setiausaha Pemuda MIC Kebangsaan, Datuk Nelson Renganathan memberitahu Bernama bahawa pergerakan pemuda dijangka meluluskan lima resolusi termasuk mendesak kerajaan memperkenalkan pendidikan agama kepada bukan Islam di sekolah bagi menangani masalah sosial yang meningkat.

Resolusi lain ialah perlunya menyegerakan perlaksanaan skim perumahan bagi pekerja ladang dan tabung khas bagi masyarakat perniagaan India.

Nelson berkata antara agenda persidangan itu ialah ucapan oleh pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Barisan Nasional dan Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, pada sesi pagi.

Setiausaha Wanita MIC Kebangsaan Senator Jaya Partiban berkata pergerakan wanita dijangka meluluskan enam resolusi termasuk mendesak parti itu meminda perlembagaan bagi membolehkan penyertaan wanita di semua peringkat politik dalam parti serta mahukan klinik-klinik di kawasan ladang diambil alih oleh Kementerian Kesihatan.

Anggota wanita menyumbang kira-kira 40 peratus daripada keseluruhan keanggota MIC yang berjumlah 450,000 orang. Lapan anggota wanita parti itu kini menjadi ahli majlis pihak berkuasa tempatan, seorang senator dan seorang anggota Parlimen.

-- BERNAMA

RV LAT